

# Dr. M bidas parti politik yang cuma rebut peluang baik sahaja

UM 9 NOV 1984

**K**EMAMAN 8 Nov. — Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini membidas golongan sebuah parti politik yang *berlambangkan Islam cuma merebut peluang* dan tempat yang dianggap baik bagi mereka yang mendudukinya.

Apa yang mendukacitakan, tegasnya kerana inginkan tempat itu golongan yang irihati terhadap kedudukan orang-orang sebangsa dan seagama dengan mereka itu sanggup pula menggunakan apa cara sekalipun untuk merebut tempat itu.

Berucap merasmikan gerak kerja Pergerakan Wanita UMNO Malaysia di Kem. Pupuk Semangat di sini pagi tadi beliau menyesali sikap golongan itu yang hendak merebut kuasa tetapi menggunakan agama untuk kepentingan politik.

Katanya, perjuangan UMNO selama ini setelah mencapai kemerdekaan adalah untuk terus berkuasa dan mengekalkan semangat perpaduan untuk generasi akan datang terus menikmati segala usaha yang dilaksanakan.

Menurutnya, usaha UMNO itu juga adalah satu langkah supaya orang-orang Melayu dan umat Islam tidak diperhambakan oleh mana-mana pihak dan menentukan tidak dihina atau dijajah selalu.

Bagaimanapun, tegasnya, amat malang sekali bila, "kita sudah bebas berkuasa, timbul pula kelompok orang yang irihati untuk merebut tempat dan kedudukan di negara ini."

Katanya, kalau PAS berpegang kepada perjuangan Islam yang sebenar tidak akan berlaku pecah belah sesama umat Islam seperti sembahyang dua imam dan lain-lain.

Soalnya, beliau menambah, bahawa PAS tidak mahu menyingkirkan sifat busuk mereka, menyebabkan UMNO tidak akan membuat pertim-bangan untuk menerima cadangan PAS, termasuk menyertai semula dalam UMNO.

## Menyelewengkan

Perdana Menteri menarik perhatian orang-orang Melayu yang kononnya berpegang kuat kepada agama Islam itu menggunakan isu agama sebagai daya penarik untuk bertanding mencapai kemenangan dalam pilihanraya.

Katanya, pada peringkat permulaan mereka menggunakan agama dengan baik mengikut akidah Islam, tetapi setelah menerima kekalahan teruk dalam beberapa pilihanraya mereka cuba

menyelewengkan akidah Islam?—

Ini meniadakan, tambahnya umat Islam berada di dalam keadaan serba-salah berikutan dengan usaha dan niat buruk parti yang dikatakan menjafankan dasar-dasar Islam.

Beliau juga berpendapat sekiranya masalah agama yang digunakan oleh golongan itu tidak diatasi, segera tahap dan keadaan yang berlaku di beberapa kawasan di negara ini terus merebak secara berleluasa.

Oleh itu, Datuk Sri Dr. Mahathir berharap pemimpin-pemimpin mereka hendaklah menyedari dan membuktikan diri mereka sebagaimana yang telah diberi semasa kerjasama dalam pimpinan mereka yang lama.

Beliau berpendapat pemimpin-pemimpin yang ada sekarang sengaja putarbelitkan politik untuk kepentingan peribadi dengan mengkafirkan seseorang sekiranya tidak secekok dengan jiwa mereka.

Katanya, pemimpin baru sanggup berbuat apa saja dan tidak takut kepada akidah Islam menyebabkan mereka tamak untuk merebut kuasa.

Oleh itu, beliau berharap bila keadaan tidak dapat dikawal perpecahan akan terus berlaku di kalangan sesama Islam menyebabkan masyarakat Islam semakin berada dalam serba salah.